

23 SEP 1997

FIRMA IT BRITAIN NAK MANFAATKAN PELUANG DALAM MSC

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Satu rombongan perdagangan yang terdiri daripada syarikat Britain akan berada di Malaysia dari 17 hingga 21 November bagi meneroka peluang-peluang yang ditawarkan oleh Koridor Raya Multimedia (MSC).

Satu kenyataan Suruhanjaya Tinggi Britain yang dikeluarkan di sini hari ini menyebut bahawa syarikat-syarikat yang menyertai misi dagangan itu, antara lain terbabit dalam kelengkapan pengiraan dan komunikasi rangkaian, penyepaduan sistem, teknologi multimedia, perisian pendidikan dan kad pintar serta pemaju perisian, jururunding dan jurulatih.

Misi dagang ini dianjurkan oleh British Educational Suppliers Association (BESA), Jabatan Perdagangan dan Industri Britain (DTI) dan Suruhanjaya Tinggi Britain di Kuala Lumpur.

"Misi ini merupakan susulan lawatan Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke United Kingdom pada bulan Mei tahun ini bagi memperkenalkan MSC," jelas kenyataan itu.

Ia juga merupakan susulan kepada lawatan setiausaha parlimen Pajabat Kabinet Britain, Peter Kilfoyle awal bulan ini bagi mengkaji rancangan Malaysia untuk menjadikan teknologi maklumat lebih mudah diperolehi di kalangan masyarakat perniagaan dan orang biasa.

Satu seminar bertema "DIY: Elektronik" akan juga diadakan dengan kerjasama Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) semasa lawatan itu.

Menurut kenyataan itu, MIMOS dan Perbadanan Pembangun Multimedia (MDC) serta urusetia MSC, akan juga mengadakan taklimat mendalam untuk syarikat-syarikat yang menyertai rombongan ini. -- BERNAMA

ZMY KY MA